

# Awal Berdasarkan Sejarah Perkembangannya<sup>2</sup>.

**Mohd Nizho bin Abdul Rahman**

[nizho@uum.edu.my](mailto:nizho@uum.edu.my)

**Solahuddin bin Ismail**

[solahuddin@uum.edu.my](mailto:solahuddin@uum.edu.my)

## **Abstrak**

Kertas kerja konsep ini membincangkan tentang sistem pengajian Turasi yang menjadi pemangkin kepada kesuburan dan kekuatan pegangan Islam di Nusantara semenjak dahulu sehinggalah negara ini digelar sebagai Malaysia. Ianya merupakan satu sistem yang diwarisi sejak zaman berzaman semenjak 1435H tahun yang lalu. Melalui sistem pengajian Turasi inilah, maka lahir ilmuan Islam yang mampu mempertahankan khazanah Islam yang tinggi nilainya. Para ilmuan mengajar dan mengarang kitab dengan mengambilkira disiplin ilmu yang mesti dilalui oleh setiap pelajar agar ilmu yang diterima mampu diamal serta disebar. Keberkatan sistem pengajian ini mampu melahirkan mereka yang hebat bukan hanya di dalam negara malah di luar negara. Kelainan yang terdapat pada sistem pengajian ini

---

<sup>2</sup> Kertas kerja ini dibentangkan di 23<sup>rd</sup> Conference of the Internasional Association of Historians of Asia 2014 (IAHA 2014) di Hotel Tabung Haji Kepala Batas Alor Setar pada 23-27 Ogos 2014.

menampakkan suatu keberkesanan dan kemantapan dalam mempertahankan sistem pengajian Turasi secara *Talaqqi* yang membezakannya dengan sistem pengajian yang berlaku pada aliran pengajian biasa. Justeru kajian mendapati sistem dan kaedah yang diguna pakai mampu melahirkan manusia yang berguna kepada diri sendiri, masyarakat dan negara.

## **Pendahuluan**

Sistem pengajian Turasi adalah satu sistem yang sudah terkenal di Malaysia dan Nusantara amnya. Kedatangan Islam ke Nusantara, salahsatunya melalui penyebaran agama Islam yang dipelopori oleh tokoh ilmuan luar negara dan juga tempatan yang mendapat didikan secara langsung dari Negara Arab samada Mesir, Makkah, Madinah dan sebagainya. Sistem pengajian yang diwarisi adalah berbentuk *talaqqi mushafahah* bersama guru-guru yang mengajar samada di pusat pengajian ataupun masjid dengan cara menadah kitab (kitab Kuning) dari kulit ke kulit sehingga selesai pengajian mereka. Sistem inilah yang dibawa masuk ke Malaysia sehingga kini dan di ajar di pusat pengajian serta pondok-pondok. Kebanyakannya pusat pengajian dan pondok ini, berada di sebelah utara tanah air seperti Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Para ulamak yang mendapat pendidikan di Tanah Arabjuga bukan hanya mengajar dalam bahasa Arab malah mereka juga menterjemah, mentahqiq dan mengarang semula kitab-kitab yang diajar oleh mereka ke dalam bahasa Jawi supaya niat untuk penyebaran ilmu itu sampai kepada sasaran. Sebenarnya pengajian turasi ini mengikat para pelajar agar sentiasa hadir ke majlis ilmu yang dijalankan kerana jika mereka ketinggalan pasti tidak akan dapat menguasainya dalam satu-satu bab yang di ajar oleh tuan guru. Justeru pengajian Turasi adalah satu sistem yang unik dalam pengajian Islam kerana para pelajar tidak akan mampu menguasai ilmu Turasi itu melainkan mereka sendiri hadir dan mendalami ilmu secara berdepan dengan tuan guru yang mengajar.

## **Definisi Pengajian Turasi**

Pengajian Turasi adalah satu kaedah pembelajaran yang menggunakan kitab-kitab lama samada dalam bahasa Arab mahupun jawi yang diperolehi melalui penulisan tangan atau pencetakan yang tidak berkualiti. Secara dasarnya usaha para ulama untuk mewarisi kitab-kitab peninggalan ulamak-ulamak terdahulu samada Bahasa Arab atau Jawi yakni ilmu-ilmu Al-Quran dan Syariat Islam bagi pendedahan dakwah yang menyeluruh untuk kemajuan pendidikan. Kitab-kitab Turasi ini juga dikenali sebagai kitab kuning. Pengajian yang dilaksanakan hanya melibatkan negara-negara di Nusantara ataupun Alam Melayu. (Ahmad Fathi Al-Fatani, 2001)

Pengajian secara Turasi juga dikenali sebagai pengajian Kitab Kuning yang berada di dalam sistem pengajian pondok. Pengajian secara mendalam ini terbahagi kepada dua cara iaitu secara personel atau persendirian dengan guru dan secara berkumpulan (<http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam>). Cara personel menuntut pelajar mengadap guru dengan membawa kitab tertentu. Mereka diajar beberapa baris perkataan atau ayat oleh guru tersebut untuk dihafal dan difahami. Ia dilakukan secara bergilir dengan pelajar lain dan hanya dilakukan di peringkat awal pengajian. Cara ini masih lagi terdapat di kebanyakan pesantren di Indonesia. Kedua adalah cara pembelajaran secara beramai-ramai. Ia dinamakan sebagai cara *halaqah*, *talaqqi(circle system)* atau cara *umumi*(Wan Yahya Wan Ahmad, 1994:146, Abasri, 2007: 287). Pelajar akan duduk secara beramai-ramai di hadapan guru yang mengajar. Ilmu disampaikan secara teliti dan kebiasannya kitab-kitab besar dalam bahasa Arab termasuk kitab-kitab karangan dalam tulisan jawi seperti *Fath al-Bari*, *Ihya Ulumuddin*, *al-Hikam*, *Tafsir Jalalain*, *Bahr al-Mazi*, *Muniyatul Musalli*, *Faridatul Faraid*, *Hidayatul al-Salikin* dan sebagainya akan digunakan sebagai bahan pengajian.

Kitab kuning pada masa kini begitu sinonim dengan sistem pendidikan pondok. Namun begitu ia juga mendapat permintaan yang tinggi di kalangan masyarakat di luar daripada sistem berkenaan. Sambutan yang menggalakkan dari masyarakat umum menjadikan pengajian kitab kuning tersebar dengan begitu meluas di segenap lapisan masyarakat. Ia bukan sekadar diajar di pondok tetapi juga dapat dipelajari di surau, masjid malahan media elektronik juga telah memberi ruang kepada pengajian kitab kuning untuk diwacanakan kepada khalayak ramai. Sambutan yang memberangsangkan ini merupakan salah satu bentuk transformasi dan usaha mengekalkan ketulinan ilmu Islam yang telah dibuat dan wujud semenjak dahulu sebagai satu usaha untuk mengangkat sistem pendidikan pondok ke tempat yang selayaknya di dalam dunia yang serba moden ini.

### **Konsep Pengajian Islam**

Pengajian Ilmu Islam di Malaysia terutamanya pengajian pondok adalah berdasarkan pewarisan sistem pengajian yang ada di zaman Rasulullah S.A.W . Ilmu adalah satu amanah yang perlu disampaikan kepada sesiapa sahaja tanpa melihat latar belakang orang tersebut.Kesinambungan pewarisan berkaitan pengajian Islam ini terus diwarisi oleh para ulamak yang mendapat pengajian dari timur tengah seperti Mesir, Yaman, Iraq, Libya dan Makkah.Pengajian Islam merupakan salah satu daripada usaha berterusan untuk menerapkan ilmu pengetahuan agama Islam kepada para pelajar dan masyarakat awam. Ia merangkumi usaha memberi pengetahuan tentang agama Islam yang meliputi akidah, syariah dan akhlak.

Dalam usaha menjadikan kehidupan seorang insan itu memiliki cara hidup yang berlandaskan ajaran Islam yang sebenar, maka ilmu yang disampaikan mestilah mengikut kaedah yang betul dan

memudahkan masyarakat terutama para pelajar memahami isi kandungan dan ajaran agama Islam (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2006).Aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga perlu sentiasa dinilai agar segala kelemahan dan kekurangan dapat diperbaiki serta dibuat penambah baikkan. Harapannya supaya hasil pembelajaran yang disampaikan oleh para ulamak dapat melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan serta dapat menjadikannya sebagai amalan harian dalam setiap aspek kehidupan mereka (Ghazali Darussalam 2004).

Justeru pengajaran, pembelajaran dan pendidikan merupakan tiga istilah yang saling berkaitan di antara satu sama lain dan tidak dapat dipisahkan. Apabila ada guru yang mengajar tentulah ada murid yang belajar. Maka di sini berlaku pengajaran dan pembelajaran. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran tentulah ada bahan atau ilmu yang diajar atau pendidikan yang diterapkan. Ilmu yang didapati dan nasihat yang berkesan itulah yang menjadi pendidikan Islam kepada murid ( Mohd. Yusuf Ahmad, 2004).

### **Sejarah Pengajian Islam Secara Turasi**

*al-Turath al-Islam* merupakan kumpulan karya-karya ulama silam yang merakamkan pemahaman dan pentafsiran mereka terhadap al-Quran dan al-Sunnah. Secara keseluruhannya ia membentuk pemikiran keagamaan Islam klasik (*classical Islamic religious thought*). Semua karya tersebut terakam dalam tulisan-tulisan yang sebahagiannya masih dalam bentuk manuskrip. *Turath* ialah warisan (*legacy, heritage*) generasi *al-salaf al-salih* dan para ulama muktabar sepanjang zaman ( Al-Qaradawi 2005). *Turath* adalah rakaman tentang bagaimana Islam difahami dan dilaksanakan sejak generasi awal Islam.

*Turath* menghimpunkan ilmu-ilmu yang dihasilkan oleh para ulama sejak lebih 1400 tahun yang lalu. Rakaman dan khazanah keilmuan ini sangat penting untuk memandu dan membimbing umat Islam masa kini dalam memahami dan melaksanakan Islam serta menjalani kehidupan yang baik. Ilmu yang mereka warisi daripada ilmuwan-ilmuwan yang berautoriti sangat penting dan tidak ternilai harganya agar pemahaman yang betul terhadap Islam dapat dipertahankan dan kebahagiaan sejati serta pembangunan sebenar dapat dicapai oleh manusia.

Justeru *turath* tidak melambangkan kekolotan, cerita lama dan mitos yang perlu diganti dengan kemodenan, cara baru dan saintisme. Sebaliknya kedatangan Islam menandakan bermulanya era baru, era pencerahan, era pembangunan insan. Misi *tahriri-tanwiri-islahi* telah dilakukan oleh semua nabi-nabi dan rasul-rasul yang diutus oleh Allah SWT setiap kali berlaku penyimpangan, penindasan dan kejahilan. Al-Attas (1999) menegaskan bahawa dengan kedatangan Islam, ia telah merubah (*revolutionized*)

pandangan alam orang Melayu dan menggantikannya dengan pandangan alam Islam. Perubahan yang menyeluruh ini diistilahkan oleh beliau sebagai Islamisasi. Tentang kedatangan Islam sebagai bermulanya era perubahan, al-Attas (1999) mengatakan:

Bermulanya sistem ini dengan kedatangan Islam di kepulauan Melayu-Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baru dalam persejarahannya, sebagai semboyan tegas membawa rasionalisme dan pengetahuan ilmiah serta menegaskan satu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan dan kemuliaan keperibadian insani. Islam membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bukannya hanya di kalangan istana dan kraton malah sampai juga dengan lebih merebak di kalangan rakyat jelata.

Dalam konteks Alam Melayu, suatu contoh sintesis ini boleh didapati; tindakan ulamak Melayu yang meniru sistem dan bentuk halaqat pengajian ilmu-ilmu Islam daripada sistem pengajian Masjidil Haram di Mekah yang kemudiannya disesuaikan dengan ciri-ciri tempatan Melayu dari segi bentuk asrama, stail pakaian dan sebagainya yang melahirkan sistem pengajian pondok. yang lebih berorientasikan tempatan. Perkembangan pendidikan Islam seterusnya sehingga terbentuknya negara Malaysia. Pelaksanaan pelajaran pendidikan Islam di Malaysia (sebelum merdeka dikenali sebagai Tanah Melayu) telah bermula sejak Islam mula bertapak di Melaka sekitar abad ke 14 lagi.. Namun perkara ini dapat dilihat kepada latar belakang sejarah kedatangan agama Islam ke negara ini yang dikenali dengan nama Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu dan aktiviti serta kegiatan pendidikan yang berlaku pada waktu tersebut. Apabila Raja Melaka yang pertama iaitu Parameswara (kemudian dikenali sebagai Megat Iskandar Syah) telah memeluk Islam pada 1414M, maka bermulalah perkembangan sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu pada waktu itu. Keislaman baginda turut diikuti oleh para pembesar kerajaan dan rakyat jelata. Bagi memantapkan kefahaman tentang Islam, baginda mempelajari Islam daripada para ulamak dan pendakwah yang datang berdakwah ke Melaka. Perkara yang sama turut dilakukan oleh raja-raja Melaka yang lain. Sebagai minat dan kecintaan yang mendalam para pemerintah terhadap ilmu, istana dijadikan sebagai salah satu tempat mempelajari ilmu. Bukan setakat itu sahaja, mereka turut memberikan sanjungan yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan Islam, ulamak-ulamak, kitab-kitab agama dan hari-hari kebesaran Islam. Hal ini membuktikan mereka mempunyai perasaan cinta yang mendalam terhadap Islam dan sistem pendidikannya hasil pengorbanan para pendakwah Islam ketika itu. Namun sistem pendidikan Islam pada waktu itu merupakan sistem pendidikan yang tidak formal. Dalam hal ini, tidak terdapat peruntukan undang-undang khusus yang mewajibkan pendidikan Islam diajar kepada semua anak-anak Islam. Pendidikan Islam mula diberi perhatian setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 (Abdul Halim Hj. Mat Diah, 1989). Justeru pengajian secara Turasi berkembang semenjak dari dahulu melalui sistem *Talaqqi* yang diajar oleh para ulama semenjak negara kita suatu ketika dahulu, dikenali sebagai Tanah Melayu sehingga mencapai kemerdekaan dan dikenali sebagai Malaysia. Apa yang berlaku sekarang, penerusan terhadap sistem pengajian secara

Turasi ini kian berkurangan akibat daripada kurang pengkadiran dan pelapis yang akan mengambil alih sistem pengajian dan pendidikan ini secara berterusan.

### **Kelainan Pengajian Turasi Sebagai Satu Sistem Pendidikan**

Pengajian Turasi ini melahirkan individu yang dididik melalui satu sistem tarbiyyah yang dibendung dan dikawal melalui pemeliharaan, asuhan dan didikan. Ia juga diterjemahkan sebagai *ta'lim* dan *ta'dib*. Ketiga-tiga perkataan dalam bahasa Arab yang digunakan ini, membawa maksud yang tersendiri dalam melahirkan generasi yang diajar melalui satu proses pendidikan yang unik dan mempunyai kelainan yang tersendiri. Dalam mentafsirkan istilah pengajian yang melahirkan satu proses pendidikan yang mantap, beberapa tokoh sarjana Islam telah mengemukakan pendapat mereka masing-masing (Mohd Roslan dan Wan Mohd Tarmizi, 2011). Al-Hazimi (2000), memetik pandangan Al-Baidawi yang menyatakan pendidikan ialah satu proses menyampaikan sesuatu perkara sehingga mencapai kesempurnaan yang dilakukan secara berperingkat-peringkat. Beliau juga mengemukakan pandangan al-Asfahani yang mendefinisikan pendidikan melalui pengajian yang sistematik sebagai proses membentuk sesuatu yang dilakukan secara berperingkat dan tersusun sehingga mencapai kepada keadaan yang paling sempurna.

Menurut Hasan al-Sharqawi (1983), pendidikan ialah mengajak manusia kepada sesuatu yang mempunyai kaitan dengan penciptanya, yang membawa kepada jalan yang sama dengan akidah Islam. Manakala Fathi Yakan (1997), pula menyatakan pendidikan secara umumnya adalah satu proses untuk membina individu dan masyarakat berdasarkan asas kefahaman ideologi dan nilai murni yang khusus. Bagi Imam al-Ghazali, seperti yang dipetik oleh Abdullah al-Qari (1989), menyatakan bahawa pendidikan ialah memperkembangkan bakat dengan cara menghindarkan segala penghalang atau rintangan. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1999), menterjemahkan pendidikan sebagai satu proses menanam sesuatu ke dalam jiwa manusia. Beliau menghuraikan proses "menanam" tersebut adalah merujuk kepada metode dan sistem yang dipanggil pendidikan sebagai menyampaikan ilmu secara menanamkan gagasan-gagasan ini sedikit demi sedikit. Manakala "sesuatu" pula diterjemahkan sebagai kandungan kepada tanaman tersebut dan "jiwa manusia" pula merujuk kepada penerima proses dan kandungan itu.

Hasan Langgulung (1986) menyatakan maksud pendidikan dalam dua pengertian. Pendidikan dalam erti kata yang umum meliputi hampir semua bidang aktiviti manusia daripada yang paling sederhana hingga kepada aktiviti yang kompleks. Pendidikan dalam erti yang khusus pula meliputi aktiviti manusia untuk memelihara kelangsungan hidupnya sama ada sebagai seorang individu atau sebagai anggota masyarakat. Oleh yang demikian kejayaan hasil daripada tarbiyah melalui sistem Turasi ini menampakkan suatu kelainan yang berlaku terhadap individu ataupun murid, guru, tempat pengajian, masa pengajian, kaedah pengajian dan masyarakat. Kesemua perkara ini diambil daripada kehidupan dan peninggalan Rasulullah S.A.W.

### **Kelainan Pengajian Turasi Berkaitan Tempat Pengajian**

Lokasi tempat yang dipilih adalah sesuai untuk para penuntut mempelajari ilmu dan mendalami agama kerana berjauhan daripada bandar yang kebiasaannya terdedah kepada permasalahan sosial dan kepelbagaian masalah yang timbul. Para ulamak memilih penempatan sebegini adalah mengikut perjalanan hidup para nabi dahulu kala. Nabi Muhammad S.A.W sendiri telah dibesarkan di kawasan kampung bertujuan untuk mendapat pendidikan yang tidak dipengaruhi dengan kebejatan hidup masyarakat bandar. Suasana tempat juga mempengaruhi pengajian mereka apabila mereka berada disuatu lokasi pengajian yang ada. Sebagai contoh, kalau lokasi pengajian terletak di kawasan pergunungan, tasik dan perkampungan yang tidak tercemar maka proses untuk mendapat ilmu lebih mudah dan ingatan para pelajarpun tidak terganggu. Ketenangan dan kedamaian suasana membolehkan seseorang dibentuk keperibadian mereka seperti mana para Nabidan Salaf- al-Salih dahulu kala dididik dan tarbiyyah dengan kaedah yang sedemikian.

### **Kelainan Pengajian Turasi Berkaitan Masa Pengajian**

Pemilihan masa pengajian juga adalah bersesuaian dengan suasana dan ketika. Para ulama telah memilih waktu pagi supaya para pelajar mudah memperolehi ilmu. Ini kerana waktu pagi adalah merupakan waktu yang tenang dan mudah untuk mendapat ilmu pengetahuan. Ianya bertepatan dengan Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:-

*Berpagi-pagilah kamu dalam mencari rezeki dan hajat kamu*

(Riwayat Tirmizi)

Islam meletakkan waktu sebagai suatu yang penting dalam kehidupan. Pepatah Melayu dan Arab ada menyebut :-

*Waktu itu adalah seumpama emas dan Saidina Ali pernah berkata "Waktu itu seperti pedang yang tajam jika tidak digunakan untuk memotong maka pedang itulah yang akan memotong"*

Pemilihan waktu itu dengan mengambil kirasubjek yang diajar. Mata pelajaran yang utama seperti al-Quran dan Hadith menjadi pendahulu kepada permulaan pengajian. Ia adalah pertunjuk kepada mereka yang bertaqwa. Ia merupakan suatu sistem yang memastikan pelajar dan guru selari pemikiran dan

pemahaman mereka terhadap agama. Awal-awal agama ialah mengenal Allah yang menjadi asas kepada pengajaran dan pembelajaran mereka.

### **Kelainan Pengajian Turasi Berkaitan KaedahTalaqqi Pengajian**

Sistem Talaqqi ialah merupakan satu sistem pengajian secara berguru *face to face* dengan guru yang mengajar dan bertemu lutut ke lutut dengan guru tersebut,yang mana sistem pengajian ini amat berbeza dengan sistem pengajian yang wujud pada hari ini. Para Ulama mensyaratkan setiap pelajar mesti bertemu dengan guru supaya keberkatan dalam menuntut ilmu itu dapat mengalir dalam tubuh mereka. Ia bersesuaian dengan pepatah yang menyebut “Sesungguhnya ilmu itu dengan kita berguru”. Setiap halaqah diikuti dengan tutorial (bahasa sekarang).*Kepala Mutthalaah* juga bertanggungjawab untuk sesi pencerahan pada murid tentang apa yang telah di ajar oleh guru. Didalam sistem pengajian talaqqi terdapat tiga jenis tenaga pengajar yang menjadi penolong dan pembantu kepada tuan guru sebagai mengurangkan bebanan tuan guru yang mengajar dan juga sebagai mengulangkaji semula pelajaran yang telah diajar. Mereka ialah : **‘Al-Mutholi’ , Al-Muraji’ dan Al-Muqrik’**.

Tugas seorang **Al-Mutholi’** ialah sebagai menghuraikan kembali pelajaran yang telah diajar oleh tuan guru kepada para pelajar yang lain sebelum memasuki pelajaran baru,dan dia pula telah dipilih sendiri oleh tuan guru yang mengajar dan lazimnya **Al-Mutholi’** ialah seorang pelajar yang maju dan cerdas di dalam pelajarannya sebelum kedatangan tuan guru atau ketidakhadiran tuan guru .

Manakala tugas seorang **al-Muraji’** pula ialah sebagai tempat rujukkan para pelajar yang lain untuk memahami semula pelajaran tertentu yang susah untuk difahami. Muraji” telah dipilih sendiri oleh tuan guru.Seterusnya **al-Muqrik** pula ialah seorang pembaca yang tetap terhadap pelajaran yang sedang diajar,dia bertugas sebagai membaca kembali isi pelajaran yang diajar dengan suara yang kuat dan lazimnya **al-Muqrik** ialah seorang yang arif didalam ilmu Nahu dan ilmu Saraf kerana dia akan membacakan isi kitab yang secara lazimnya tidak diletakkan tanda baris seperti tanda baris yang terdapat didalam Mushaf Al-Quran pada hari ini. Setiap kesalahan pada bacaan**al-Muqrik** akan terus ditegur oleh tuan guru yang mengajar. Kepelbagaian kaedah memperolehi ilmu ini, menunjukkan pemeliharaan kepada ketulinan pengajian Turasi serta pengkaderan yang berkesan terhadap ilmu Islam.

### **Kelainan Pengajian Turasi Berkaitan Dengan Guru**



Kehidupan guru penuh dengan konsep tawakkal kerana mereka tidak bergaji dalam menyampaikan ilmu. Sebagai seorang guru yang memikul tanggungjawab dan amanah ilmu mereka tidak pernah gusar dan takut ditimpa kefakiran disebabkan ilmu pengetahuan yang ada. Setiap ilmu yang dipelajari oleh seseorang guru akan disampaikan kepada sesiapa sahaja yang cinta dan dahagakan ilmu pengetahuan. Pernah diceritakan oleh para ulamak dahulu kala tentang bagaimana ulamak-ulamak yang terdahulu daripada mereka sanggup mengajar sesiapa pun walaupun yang menjadi murid itu adalah seekor binatang. Ketekalan menyampaikan ilmu tidak mengambil kira jumlah pelajar, masa, waktu dan ketika. Apa yang penting saranan yang diperintah oleh Rasulullah S.A.W menjadi panduan kepada mereka. Sabda Rasulullah S.A.W:-

*Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat*

(Riwayat al-Bukhari)

Berbekalkan tanggungjawab dan amanah inilah mereka menyampaikan ilmu tanpa mengharapkan imbuhan daripada mana-mana pihak. Namun dengan keiklasan hasil usaha mereka menyampaikan ilmu, mereka dibantu oleh masyarakat setempat melalui wang zakat, derma dan pemberian orang perseorangan.

### **Kelainan Pengajian Turasi berkaitan dengan Murid**

Para murid dilatih hidup secara berdikari tanpa mengharapkan bantuan daripada keluarga semata-mata. Mereka bekerja mengambil upah di kampung-kampung seperti membajak, membawa semaian, mengisi padi dalam guni dan sebagainya bertujuan untuk menyara hidup dan pengajian mereka. Mereka diajar ilmu bukan hanya ilmu ukhrawi malah ilmu duniawi yang berbentuk khidmat masyarakat. Secara tidak langsung mereka mampu mempraktikkan ilmu yang dipelajari dengan keadaan suasana sekeliling yang mereka berada ketika itu. Kelainan yang diterapkan kepada para pelajar adalah, mereka mampu berdikari dan mengurus kehidupan yang melibatkan diri sendiri dan keperluan masyarakat. Ianya bertepatan dengan Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:-

*Sebaik-baik manusia ialah mereka yang alim, apabila seseorang berhajat kepadanya maka dia boleh memberi manfaat kepada orang tersebut sebaliknya jika seseorang itu tidak berhajat kepadanya dia boleh mengurus dirinya sendiri.*

(Riwayat al-Baihaqi)

### **Kelainan Pengajian Turasi Berkaitan Dengan Masyarakat**

Pengajian secara Turasi tidak terhad kepada masyarakat yang mendiami pondok dan institusi yang menjalankan operasi pengajian semata-mata. Masyarakat yang berada dipersekitaran juga secara tidak langsung mendapat kesan dan tempiasnya juga. Masyarakat menerima pusat pengajian pondok sebagai satu rahmat kerana mereka dapat menumpang untuk memperolehi ilmu yang di ajar oleh para ulamak. Perasaan sayang dan tak lokekuntukmembantu dan menyumbangkan tenaga kepada masyarakat pondok dan gurunya sangat bekobar-kobar. Seolah –olah mereka memahami apa yang dinyatakan oleh Baginda S.A.Wdalam hadithnya yang bermaksud:-

*Perumpamaan berkawan dengan rakan yang soleh dan rakan yang jahat ialah seperti (berkawan) dengan penjual minyak wangi dan tukang besi. Penjual minyak wangi tidak akan mensia-siakan anda, sama ada anda membelinya atau mendapat bau harumannya. Tukang besi pula boleh menyebabkan rumah anda atau baju anda terbakar atau mendapat bau yang busuk.*

(Riwayat al-Bukhari)

Masyarakat kampung percaya bahawa dalam hal yang berkaitan agama mereka sangat menyanjung tinggi masyarakat pondok amnya dan tuan guru khasnya agar dengan kekurangan ilmu agama yang ada pada mereka setidaknya-tidaknya dapat dibantu oleh orang yang berilmu dalam mengurus kehidupan mereka yang serba kekurangan. Hidup danmati mereka didoakan oleh orang yang soleh. Setiap sedekah yang dinafakahkan akan memberi manfaat kepada mereka walaupun mereka menyedari tentang kekurangan ilmu dan tidak mempunyai anak-anak yang soleh.Mereka percaya serta yakin janji yang pernah diungkapkan oleh Rasulullah S.A.W yang bermaksud:-

*Apabila mati anak Adam maka terputuslah amalan mereka kecuali tiga perkara;- Sededah Jariah, Ilmu yang dimanfaatkan dan anak-anak yang soleh yang sentiasa berdoa kepada kedua ibu bapanya.*

(Riwayat Muslim)

## **Kesimpulan**

Oleh yang demikian keunikan dan kelainan sistem pengajian Turasidapat dilihat pada hasil keluaran pusat pengajian atau institusi pondok yang mampu mengurus diri mereka dan masyarakat yang berada disekeliling mereka bermula daripada dalam buaian sehinggalah ke liang lahad. Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:-

*Orang yang bijak itu ialah mereka yang sentiasa bersiap siaga (dalam kehidupan duniadan akhirat) dan beramal sebelum menemui ajal (mati).*

(Riwayat al-Baihaqi)

Selain itu pengajian yang berbentuk Turasi adalah bertujuan memelihara keaslian kaedah penyampaian dan pengambilan sumber Islam yang diwarisi semenjak daripada zaman Rasulullah S.A.W. Juteru dengan sistem ini, maka wujudlah kesinambungan pengajian Turasi Islam zaman berzaman jika dikekalkan tradisi ini.

### **Bibliografi**

Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia

Abdullah al-Qari Hj. Salleh (1989), *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*. c. 3, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Abasri, *Sejarah Dinamika Lembaga-Lembaga Pendidikan Islam di Nusantara* dalam H. Samsul Nizar, editor.(2007), *Sejarah Pendidikan Islam; Menelusuri Jejak Sejarah Pendidikan Era Rasulullah Sampai Indonesia*, Jakarta: Kencana Prenada Media.

al-Bhukhari, Muhammad bin Ismail ( 2004), *Sahih al-Bhukhari*, j. 1 Bayrut : Dar Fikr.

Al-Baihaqi, Ahmad Hussin Ibn Ali (1987). *al-Sunan al-Kubro*. Beirut: Dar al-Fikr.

Fathi Yakan (1997), *al-Tarbiah al-Wiqaiyyah fi al-Islam*, c. 2. Beirut: Muassasah al- Risalah.

Ghazali Darussalam (2004), *Pedagogi Pendidikan Islam*, c. 2. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Hasan Langgulung (1986), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. KualaLumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Hazimi, Khalid Bin Hamid (2000), *Usul al-Tarbiah al-Islamiyyah*. Madinah al-Munawwarah: Dar 'Alim al-Kutub

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006), *Struktur Kursus Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Muslim, Imam Abu Husayn Muslim bin Hajaj bin Muslim Al-Qushairi al-Naysaburi (2007) *Sahih al-Muslim*. Jil.9, Mesir: Muassah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himayah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah.

Mohd. Yusuf Ahmad (2004) *Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Masjid*.

Fakulti Sains Sosial Gunaan. Kuala Lumpur :Open University Malaysia :

Mohd Roslan Mohd Nor, Wan Mohd Tarmizi Wan Othman (2011), *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*. Jurnal At-Ta'dib. Bil 6. Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Teungku Dirundeng Meulaboh, Banda Aceh: Indonesia.

Al-Qardhawi, Yusuf (2000). *Pengantar pengetahuan Islam*. Terj. Mohd Zaini Yahya. Kuala Lumpur: Otopeck & Print Sdn.Bhd.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1999), *The Concept of Education in Islam*. c. 3. Kuala Lumpur: ISTAC.

Al-Sharqawi, Hasan (1983), *Nahw Tarbiah Islamiyah*. Iskandariah: Muassasah Thiyab al-Jami'ah.

Al-Tirmizi, Muhammad ibn 'Isa, (1980), *al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmizi*, j.8, Bayrut :Dar al-Fikr.

Al-Tabrani, Sulaiman ibn Ahmad (1998). *Mu'jam al-kabir*. Kaherah: Maktabah Ibnu Taimiyyah.

Wan Yahya Wan Ahmad (1994) *Sejarah Perkembangan Pendidikan Zaman Awal dalam MEDIUM Jurnal Akademi Islam Universiti Malaya*, bil III, Jun.1994.

<http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/khazanah/14/02/23/n1fw2m-kitab-kuning-dan-khazanah-keilmuannya>.